Sorotan Penting tentang eCCRIS yang Ditambah Baik:

Pendaftaran Secara Dalam Talian untuk Pengguna Individu Baharu

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

1. Mulai 18 Februari 2022, **pengguna individu baharu** boleh mendaftar eCCRIS secara **dalam talian** melalui eccris.bnm.gov.my.

2. **Tidak perlu hadir** di premis Bank Negara Malaysia atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk tujuan pengesahan pendaftaran.

3. **Pengguna baharu hendaklah merupakan individu warganegara Malaysia yang mempunyai MyKad dan kemudahan perbankan Internet.** Bagi pengguna lain, pengaturan sedia ada masih terpakai (iaitu pendaftaran melalui kios di premis AKPK atau eLINK melalui telelink.bnm.gov.my).

Boleh Digunakan:



Pengguna individu baharu warganegara Malaysia yang mempunyai MyKad dan kemudahan perbankan Internet

Tidak Boleh Digunakan tetapi Pengaturan Sedia Ada Masih Terpakai:



Individu warganegara Malaysia yang tidak mempunyai perbankan Internet



Pemastautin Tetap dan bukan warganegara Malaysia



Perniagaan

4. **Identiti pengguna baharu akan disahkan secara digital.** Hal ini melibatkan pindahan RM1 ke akaun Bank Negara Malaysia yang ditetapkan melalui perbankan Internet. RM1 tersebut akan dipulangkan secara automatik dalam tempoh dua hari bekerja selepas pendaftaran.

Langkah 1



Pendaftaran pengguna melalui eccris.bnm.gov.my

Langkah 2



Sahkan butiran serta Terma dan Syarat

Langkah 3: Pengesahan Digital



Pindahan RM1 sekali sahaja melalui perbankan Internet yang akan dipulangkan secara automatik dalam tempoh dua hari bekerja

Langkah 4



Jika pengesahan diluluskan, anda akan menerima OTP 6 Digit melalui nombor telefon bimbit dan e-mel yang berdaftar untuk melengkapkan pendaftaran anda

Untuk maklumat panduan pendaftaran pengguna yang lebih terperinci, sila layari bnm.gov.my/ccris

5. Pendaftaran secara dalam talian adalah **lebih mudah dan selamat.** Pengguna individu baharu warganegara Malaysia yang mempunyai talian Internet kini boleh mendaftar dan mendapatkan laporan CCRIS mereka **pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.** Untuk ketahui lebih lanjut tentang laporan CCRIS, sila layari bnm.gov.my/ccris.

Jika anda mempunyai pertanyaan lanjut tentang pendaftaran eCCRIS secara dalam talian, anda boleh menghubungi BNMTELELINK melalui 1-300-88-5465 / 603-2174 1717 (luar negara) atau menerusi Live Chat melalui bnm.gov.my/livechat